

NO. SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah mayat-mayat pengganas yang mencerobohi Kg. Tanduo, Sabah telah dikebumikan di tanah Sabah dan jika betul, kenapakah mayat-mayat pengganas tersebut dikebumikan di Sabah dan tidak dihantar balik ke negara asal mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Mayat-mayat pengganas yang mencerobohi Kampung Tanduo telah dikebumikan di negara ini memandangkan perkara ini perlu disegerakan dan dirahsiakan daripada pengetahuan semua pihak atas alasan keselamatan bagi mengelak pihak-pihak tertentu termasuk masyarakat daripada selatan Filipina dari cubaan untuk mengagung-agungkan mayat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.